

Protes dalam Masyarakat di Alam Melayu Sebelum Merdeka: Analisis Terhadap Beberapa Novel Terpilih

CHE ABDULLAH CHE YA

ABSTRAK

Makalah ini menganalisis pemikiran protes di kalangan masyarakat watan di Malaysia, Indonesia dan Brunei pada zaman sebelum merdeka berasaskan beberapa buah novel-novel terpilih pada era berkenaan. Rujukan diasaskan kepada beberapa buah novel yang mendapat tempat di kalangan masyarakat di negara-negara berkenaan pada era tersebut. Penulisan ini menggunakan pendekatan struktural atau formalistik. Didapati secara amnya para pengarang pada zaman tersebut mempunyai kecenderungan untuk mengengahkan pemikiran protes melalui tema-tema percintaan, kahwin paksa, emansipasi wanita, pertembungan budaya dan nasionalisme.

Kata Kunci: Protes, Protes sosial, Emansipasi wanita, Adat, Penjajahan

ABSTRACT

This paper analysis the protest mind among the pre-independence indigenous in Malaysia, Indonesia and Brunei based on selected novels in that era. The novels which been referred are those well accepted among the general public in the respective nations during that era. It is found that, generally the writers of those days were more inclined to articulate the protest mind through love, force marriage, women emancipation, class of culture and nationalism themes.

Key Words: Protest, social protest, women emancipation, culture and colonialism

Pengenalan

Dalam pengertian biasa, protes bermaksud pernyataan tidak setuju dengan sesuatu dasar, usul dan lain-lain (*Kamus Dewan*, edisi ke-4). Dalam sastera, ia boleh membawa pelbagai pengertian, misalnya, sebagai gambaran suasana hati yang penuh pemberontakan atau penentangan (Dharmawijaya 1994, dan Saifullizan Yahaya 2006). Protes dilakukan

kerana beberapa tujuan, antaranya, untuk mengembalikan keadaan kepada fitrah kemanusiaan, mengatasi kekurangan dalam kehidupan, keluar daripada sesuatu yang membelenggukan seperti adat resam kuno dan terperangkap dalam nafsu kebinatangan.

Karya sastera merupakan perakam zaman yang sangat ampuh. Ini kerana para pengkarya merupakan pihak yang paling peka dan paling tinggi darjah perasaan bertanggung jawab untuk menegakkan keadilan, meletakkan sesuatu pada tempatnya dan mengangkat martabat manusia dan kemanusiaan (Hashim Awang 1998, Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad dan Johan Jaafar 1981). Mereka juga pihak yang terawal berani menyatakan kepincangan dan keburukan sesuatu agar manusia lain (pembaca) menyedarinya.

Sehubungan itu, satu analisis terhadap karya sastera dapat mencerminkan realiti kehidupan zamannya. Ini ketara dalam novel kerana ia menggarapkan perwatakan, persoalan, suasana, perasaan dan juga wawasan. Makalah ini akan meninjau beberapa buah novel di Indonesia, Malaysia dan Brunei. Untuk Indonesia, novel-novel yang dianalisis adalah *Sitti Nurbaya*, *Kasih Tak Sampai* oleh Marah Rusli (1920), *Azab dan Sengsara* oleh Merari Siregar (1920), *Salah Asuhan* oleh Abdoel Moeis (1928), *Layar Terkembang* oleh Sutan Takdir Alisjahbana (1936), *Belenggu* oleh Armijn (1940) dan *Merantau ke Deli* oleh Hamka (1940). Untuk Malaysia, *Hikayat Faridah Hanum* oleh Sayid Syeikh al-Hadi (1925), *Iakah Salmah* oleh Ahmad Rashid Talu (1927), *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan* oleh Ahmad Kotot (1927), *Kawan Benar* oleh Ahmad bin Haji Muhammad Rashid Tahu (1927), *Melati Sarawak* oleh Muhammad Rakawi Yusuf (1932), *Putera Gunung Tahan* oleh Ishak Haj Muhammad (1937) dan *Melati Kota Bharu* oleh Abdul Kadir Abadi (1941). Untuk Brunei, *Tunangan Pemimpin Bangsa* oleh H. M. Salleh (1952), *Mahkota Yang Berdarah* oleh Yura Halim (1985) dan *Titian Semusim* oleh Mohd. Salleh Abd. Latiff (1986). Novel-novel ini agak memadai untuk mencerminkan pemikiran protes di kalangan masyarakat watan di negara-negara rantau ini pada zaman sebelum merdeka.

Daripada analisis terhadap karya-karya ini didapati pemikiran protes dalam masyarakat sebelum merdeka rantau ini lebih cenderung kepada percintaan, kahwin paksa, emansipasi wanita, pertembungan budaya dan nasionalisme. Selain itu, terdapat juga protes terhadap aturan-aturan moral yang dianggap terlalu ketat.

Makalah ini merupakan satu tinjauan umum terhadap pemikiran protes dalam novel-novel terpilih seperti dinyatakan di atas. Analisis distrukturkan mengikut kecenderungan tema-tema dalam novel-novel

berkenaan iaitu percintaan, kahwin paksa, emansipasi wanita, pertembungan budaya dan nasionalisme.

Protes dalam percintaan

Seperti telah dinyatakan, nada protes dalam novel-novel Melayu sebelum merdeka di Malaysia, Indonesia dan Brunei digarapkan juga melalui tema percintaan muda-mudi. Protes percintaan muda-mudi ini menjadi kegemaran pengarang walaupun dalam realitinya tidak banyak berlaku pada waktu itu. Dalam sistem masyarakat tertutup dan mengamalkan adat resam yang tebal, ruang untuk bercinta tentunya terhad. Anak gadis terutamanya dihalang bergerak bebas, apatah lagi diberi hak untuk bercinta dihalang dan mencari jodoh sendiri. Agak ironisnya, situasi percintaan muda-mudi sering digambarkan oleh pengarang dalam beberapa buah novel seperti *Siti Nurbaya*, *Azab dan Sensara*, *Salah Pilih* dan *Salah Asuhan* (Indonesia) *Hikayat Faridah Hanum*, *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan*, *Melati Sarawak* (Malaysia) dan *Tunangan Pemimpin Bangsa* dan *Titian Semusim* (Brunei).

Siti Nurbaya umpamanya, mengisahkan percintaan yang terhalang antara Siti Nurbaya dengan Samsulbahri akibat tipu muslihat Datuk Meringgih. *Azab dan Sensara* pula menggarapkan percintaan antara Mariamin dengan sepupunya Aminuddin. Halangan percintaan adalah kerana wujudnya perbezaan taraf. Sebagai anggota masyarakat Batak yang tebal adatnya, percintaan Mariamin dan Aminuddin sepatutnya digalakkan tetapi cinta itu terhalang oleh kemiskinan Mariamin. Kedua ibu bapa Aminuddin mahukan menantu mereka dari kalangan individu yang setaraf.

Bagi *Salah Asuhan* pula halangan percintaan adalah kerana dua keturunan yang berbeza. Hanapi berketurunan Indonesia manakala Corrie berketurunan Indonesia-Perancis. Selari dengan pengalaman di Indonesia, *Hikayat Faridah Hanum* mengisahkan percintaan sepasang anak muda keturunan bangsawan iaitu Faridah Hanum dengan Shafik Afandi. *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan* pula melukiskan percintaan antara seorang anak teruna bernama Yazid dengan Zamrud seorang janda muda.

Secara umumnya, novel-novel itu menggambarkan percintaan muda-mudi yang terhalang seperti yang digambarkan dalam cerita lipur lara Melayu. Meskipun begitu cara pertemuan pasangan yang bercinta itu adalah secara biasa tiada lagi diselitkan unsur-unsur khayalan seperti mimpi. Dalam mengulas *Hikayat Faridah Hanum*, Yahya Ismail (1974: 53-54) menegaskan:

Percintaan dalam karya ini bukanlah percintaan antara seorang wira yang mencari seorang wanita yang diilhamkan oleh mimpi, ataupun yang ditemui dalam pengembaraan seperti yang terdapat dalam kebanyakan hikayat, tetapi percintaan dalam *Faridah Hanum* mempunyai nilai intelektual... percintaan antara keduanya lebih merupakan sebagai panduan spritual hasil daripada cita-cita yang sama. Tema percintaan seumpama ini adalah tema percintaan yang baru dalam kesusasteraan Melayu pada waku ini.

Keadaan yang sama juga terdapat dalam karya Malaysia lain sebelum merdeka. Novel *Iakah Salmah?* meskipun lebih menekankan tema emansipasi wanita turut memuatkan kisah cinta. Ada dua percintaan dalam *Iakah Salmah?* iaitu antara Salmah dengan Zaini dan antara Bakar dengan Nahariah. Tidak seperti novel lain, cinta Salmah tidak mendapat halangan tetapi halangan wujud antara Bakar dengan Nahariah. Halangan yang dihadapi oleh Bakar dan Nahariah bukan disebabkan oleh perbezaan darjat ataupun halangan orang tua tetapi percintaan itu terhalang kerana prasangka terhadap Bakar yang telah menolong Salmah. Novel *Melati Kota Bharu* yang dihasilkan pada tahun 1941 meskipun mengangkat tema yang lebih besar iaitu nasionalisme dan politik turut menyelitkan percintaan, iaitu antara Tengku Maimunah (gadis keturunan istana) dengan Abdul Rahman (pemuda biasa tetapi mempunyai pemikiran dan pendidikan yang terpuji).

Novel-novel Brunei walaupun agak lewat kemunculannya, turut menggarap persoalan cinta muda-mudi seperti dalam *Tunangan Pemimpin Bangsa* dan *Titian Semusim*. *Tunangan Pemimpin Bangsa* percintaan antara Marzuki dan Hadinah. *Titian Semusim* menampilkan percintaan antara Mamat dan Normala.

Protes amalan tradisi: Protes sosial

Sebagai tanda protes terhadap amalan tradisi masyarakat yang menghalang novel-novel Melayu, Indonesia dan Brunei menggarapkan hubungan teruna dan dara, percintaan itu direstui oleh orang tua masing-masing. Pasangan teruna dara ini juga bebas berjumpa dan bergaul sesama mereka.

Percintaan Sitti Nurbaya dan Samsulbahri direstui oleh orang tua tetapi mereka menjadi mangsa keadaan apabila Sitti Nurbaya terpaksa berkahwin dengan Datu Meringgih demi melangsaikan hutang orang tuanya. Begitu juga percintaan Tini dan Yusof turut direstui oleh orang tua. Salmah yang berpendidikan Barat jatuh cinta dengan Zaini yang ditemui di pasar buah. Senario begini pun direstui oleh orang tua.

Lebih menarik lagi percintaan Yazid anak teruna berusia 18 tahun dengan Zamrud seorang janda yang berusia 19 tahun. Dalam masyarakat tradisional, perkahwinan antara wanita yang lebih tua, lebih-lebih lagi berstatus janda, daripada lelaki bukanlah suatu norma. Walau bagaimanapun, dalam novel ini perselisihan umur itu masih direstui oleh orang tua.

Di sebalik percintaan muda-mudi itu pengarang turut memprotes amalan kahwin paksa yang diamalkan oleh masyarakat Melayu pada waktu itu. Hal ini diangkat oleh Merari Siregar dalam *Azab dan Sensara* apabila Aminuddin dikahwinkan dengan gadis pilihan orang tuanya. Dalam *Salah Asuhan*, Hanapi dikahwinkan dengan sepupunya bagi membalas budi Mamaknya yang menanggung persekolahan. *Hikayat Faridah Hanum* menampilkan perkahwinan paksa antara Faridah Hanum dengan sepupunya Baharuddin Affandi. Dalam *Melati Kota Bharu* pula, Tengku Maimunah telah ditunangkan dengan sepupunya Tengku Omar walaupun tidak dipersetujui Tengku Maimunah. Sebagai tanda protes terhadap amalan ini, pengarang dalam karya masing-masing menggambarkan perkahwinan yang ditetapkan oleh orang tua itu tidak membahagiakan. Keadaan inilah yang dihadapi oleh Hanapi dalam *Salah Asuhan*, Mariami dalam *Azab dan Sensara* dan Faridah Hanum dalam *Hikayat Faridah Hanum*.

Berbanding dengan novel peringkat awal sebelum perang yang gemar memaparkan kahwin paksa sebagai penghalang kepada percintaan pasangan kekasih itu, novel yang lahir kemudian (pra-merdeka) lebih difokuskan kepada percintaan antara muda-mudi. Anak-anak muda diberi kebebasan sepenuhnya untuk jatuh cinta dan bercinta sesama mereka. Situasi ini digambarkan dalam *Layar Terkembang* yang menampilkan percintaan antara Tuti dengan Yusof (selepas kematian adiknya Maria yang merupakan kekasih Yusof). *Belenggu* pula menampilkan cinta tiga segi antara Tini, Doktor Tono dan perempuan simpanannya, Rokiah. Di Brunei, *Tunangan Pemimpin Bangsa* menampilkan percintaan antara Marzuki dan Hadinah yang direstui oleh orang tua dan mereka juga mempunyai banyak masa untuk bersama, berdialog tentang nasib masyarakat Melayu Brunei dan membicarakan semangat nasionalisme. Cinta Mamat dan Normala dalam *Titian Semusim* juga direstui oleh orang tua.

Protes dalam emansipasi wanita

Sebahagian daripada novelis sebelum merdeka di Malaysia, Indonesia dan Brunei memprotes amalan masyarakat Melayu yang mengamalkan

diskriminasi terhadap wanita. Mereka memperlihatkan wanita watan tradisional hidup di bawah kekuasaan lelaki. Sebenarnya, “female-centeredness” bukanlah fenomena baru dalam novel di Malaysia, Indonesia dan Brunei. Menurut Rosnah Baharuddin (1989), sejak tahun-tahun 1920-an dan 1930-an telah berlaku perubahan di kalangan wanita baik dalam kehidupan seharian di rumah ataupun dalam masyarakat. Perubahan itu berkait erat dengan peluang yang mereka peroleh dalam arena persekolahan. Beliau menjelaskan bahawa pada period tersebut mendukung tema-tema dan watak-watak berasaskan konsep emansipasi wanita.

Walau bagaimanapun, dari satu sisi, “female-centeredness” dalam novel-novel di Malaysia, Indonesia dan Brunei tidaklah sama dengan kedudukan wanita dalam karya tradisional yang bersifat elit diraja atau keistanaan seperti *Cik Wan Kembang* dan *Puteri Saadong*. Dari sisi yang lain, ia juga tidak sama dengan perkembangan di Barat. Di Barat, sejak tahun-tahun 1920-an sudah ada karya protes yang keras seperti “*A Room of One’s Own*” oleh Virginia Woolf (1926) yang mengilhami para feminis agar menggunakan sastra sebagai medium perlawanan terhadap budaya patriarki sehingga sastera bergenre protes menimbulkan reaksi terhadap pendekatan sastra yang mengasingkan karya dari struktur sosial seperti Kritik Baru dan Pasca-Strukturalisme sejak tahun 1960-an (Nyoman Kutha Ratna 2004: 161). Sebaliknya, sehingga ke hari ini novel-novel Malaysia, Indonesia dan Brunei masih sangat kontekstual, iaitu berkaitan dengan realiti sosial, politik, dan ekonomi masyarakat masing-masing.

Perspektif protes wanita dalam novel di rantau ini pada zaman sebelum merdeka adalah ditulis ditulis oleh penulis lelaki.

Secara amnya ia lebih mengarahkan pandangannya kepada penampilan tokoh perempuan dengan berbagai masalahn mereka. Ini menjadikan sastera sebagai cerminan masyarakat jelas memperlihatkan wujudnya protes terhadap diskriminasi jantina yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Hak-hak yang sepatutnya mereka miliki dinafikan. Mereka terpaksa akur dengan jodoh yang telah ditetapkan oleh orang tua tanpa berani membantah apatah lagi untuk jatuh cinta dan mengalami dunia percintaan. Wanita juga dinafikan haknya untuk mendapat pendidikan yang setaraf dengan anak-anak lelaki. Mereka juga dihalang dari mengemukakan pendapat dalam satu-satu permasalahan yang timbul. Pendirian ini dapat dilihat jelas dalam *Azab dan Sensara* yang melukiskan kedudukan wanita ini, “Diam kau; perempuan tiada patut mencampuri perkara laki-laki; dapur sahajalah bahagianmu.” Persoalan tentang emansipasi wanita ini cukup ketara juga dalam *Iakah Salmah?* Novel

ini menampilkan watak Salmah seorang gadis 16 tahun yang berpendidikan Junior Cambridge. Salmah tampil sebagai wanita pembelah tradisi baik dari sudut fizikal mahupun dari sudut pemikiran. Beliau cukup berani berpakaian ala-Barat dan tidak memakai tudung ketika keluar berseorangan. Salmah juga berani untuk jatuh cinta dengan Zaini yang ditemuinya di pasar buah. Pendidikan Barat yang diterimanya banyak mendorongnya mengeluarkan pendapat dalam melahirkan protes terhadap tradisi masyarakat Melayu seperti yang ditegaskannya:

Sungguhpun begitu, ya mak, zaman telah beredar kepada kebebasan. Zaman telah menyuluh cahaya kebenaran, zaman sekarang telah menjahanamkan zaman dahulu. Pepatah tinggal pepatah, adat tinggal pada si tua-tua. Yang benar berpihak kepada kebenaran, orang ada pada orang, kita juga yang menanggung, ya mak!

(*Iakah Salmah?*, 1975: 81)

Novel yang sering disebut mengangkat emansipasi wanita ialah *Hikayat Faridah Hanum* yang menampilkan watak Faridah Hanum seorang perempuan yang berpendidikan. Yahya Ismail (1963: 438) meletakkan Syed Sheikh Al-Hadi sebagai pelopor tema emansipasi wanita dalam novel di Malaysia. Melalui watak Faridah Hanum wanita tidak lagi berada di bawah kongkongan lelaki malah wajar berdikari. Namun begitu wanita juga disarankan supaya menjaga batas-batas pergaulan agar tidak terkeluar dari nilai dan normal masyarakat pada ketika itu. *Hikayat Faridah Hanum* melukiskan persoalan ini:

Bermula, menyekat akan perempuan daripada pelajaran itu suatu dosa yang maha besar di atas kaum dan bangsa dan negeri yang akan diperiksa kelak oleh Tuhan dihadapan-Nya di padang mahsyar dan dibalasi-Nya dengan penjara neraka jahanam bagaimana laki-laki itu penjara sekalian perempuan-perempuan di dalam api dapurnya sahaja di dunia ini.

(*Hikayat Faridah Hanum*, 1985: 136)

Sitti Nurbaya juga memaparkan wanita berpendidikan. Walau bagaimanapun, keadaan memaksa Sitti Nurbaya berkahwin dengan Datu Meringgih. Sitti Nurbaya tidak dipaksa berkahwin dengan Datu meringgih tetapi demi menyelamatkan bapanya daripada dipenjara, beliau sanggup berkahwin dengan Datu Meringgih. Namun protes sosial dalam terzahir dalam novel ini apabila digambarkan Sitti Nurbaya meneruskan perhubungan cintanya dengan Samsulbahri. Selain itu, beliau memohon cerai dan melarikan diri. Kematian Sitti Nurbaya akibat termakan racun

Datu Meringgih melambangkan perjuangan emansipasi wanita yang belum selesai. Sitti Nurbaya kalah dalam usaha menentang tradisi itu.

Tengku Maimunah dan Hadinah turut muncul dengan citra wanita moden. Kedua-dua gadis ini berpendidikan dan mampu mengemukakan fikiran yang bernas serta berpengetahuan luas tentang sosio budaya, politik dan ekonomi negara masing-masing. Novel Belenggu dan Layar Terkembang pula menampilkan perjuangan wanita moden Indonesia untuk memperoleh hak yang sepatutnya mereka peroleh selain turut memaparkan watak-watak wanita yang bertanggungjawab terhadap masyarakatnya. Melalui Belenggu misalnya, watak Tini ditampilkan sebagai seorang wanita yang cukup gigih dalam kegiatan sosial setelah rasa bosan terkongkong dalam alam rumah tangga.

Persoalan emansipasi ini turut digarapkan oleh Ahmad Kotot dalam *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan*. Melalui watak janda muda bernama Zamrud, Ahmad Kotot menampilkan watak itu pandai menjaga maruah diri, berpendirian tegas, berkemahiran menjahit dan menjalankan urusan rumah tangga serta beriman. Situasi ini jelas bertentangan dengan pandangan umum masyarakat Melayu yang agak serong terhadap seseorang wanita yang bergelar janda.

Protes Terhadap Adat

Adat tradisi yang lapok juga menjadi sasaran protes pengarang. Bagi novelis sebelum merdeka, adat dan tradisi yang diamalkan oleh masyarakat Melayu ketika itu dianggap tidak lagi sesuai dengan perubahan zaman. Bagi novelis Indonesia adat dan sistem budaya Minangkabau paling banyak diperkatakan. *Merantau Ke Deli* mengkritik adat dan tradisi Minang sebaliknya memuji adat dan tradisi masyarakat Jawa yang suka berusaha dan rajin bekerja. *Salah Asuhan* misalnya menampilkan pertembungan budaya Minangkabau dengan Barat. Hanapi watak protagonis karya ini dilukiskan sebagai anak kelahiran Indonesia berpendidikan Barat sejak kecil lagi. Keadaan itu menyebabkan Hanapi memiliki jiwa Barat dan mengamalkan sistem hidup masyarakat Barat walaupun akhirnya dia tewas juga dalam pertembungan budaya yang berbeza. Persoalan budaya Batak pula dipaparkan dalam *Azab dan Sensara* seperti adat perkahwinan setara yang diamalkan dalam masyarakat. Adat inilah yang menghalang percintaan antara Mariamin dengan sepupunya Aminuddin. *Iakah Salmah?* pula menampilkan watak Salmah, seorang gadis Timur yang cuba melepaskan diri daripada kokongan adat yang selama ini membelengu kehidupan golongan wanita Melayu di Semenanjung.

Melati Kota Bharu pula memperlihatkan protes pengarang terhadap sistem feodal yang dipegang oleh masyarakat Melayu. Melalui watak Tengku Maimunah pengarang melahirkan protes terhadap golongan istana yang terlalu mengagung-agungkan gelaran dan status tetapi tidak mempunyai pengetahuan tinggi untuk memimpin bangsanya. Perkahwinan antara Tengku Maimunah dengan Abdul Rahman dan mengetepikan tunangnya Tengku Omar merupakan protes pengarang terhadap amalan golongan bangsawan ini. Perkahwinan ini juga melambangkan protes pengarang terhadap sikap golongan bangsawan yang memandang rendah kepada golongan bawahan (rakyat biasa).

Protes Terhadap Penjajah

Selain daripada protes terhadap amalan tradisi yang dianggap ketinggalan zaman dan menghalang pembangunan, pengarang turut melahirkan protes terhadap sosio-politik yang berlaku ketika itu.

Sebagai salah satu genre moden, penghasilan novel pada peringkat awal di alam Melayu turut dipengaruhi oleh situasi politik sama ada secara langsung atau tidak. Novel-novel seperti *Melati Kota Bharu*, *Putera Gunung Tahan*, *Mahkota Yang Berdarah*, *Titian Semusin* dan *Tunangan Pemimpin Bangsa* sarat dengan persoalan politik. Keadaan ini berlaku memandangkan negara masing-masing pernah berada di bawah penjajahan Barat.

Protes ini dilahirkan bagi mengangkat semangat nasionalisme kepada masyarakat. Dalam novel Malaysia, tema begini cukup ketara melalui *Putera Gunung Tahan*. Novel ini menggarap semangat nasionalisme dalam bentuk satira. Ishak Haji Muhammad menggunakan lambang-lambang seperti Gunung Tahan, orang-orang sakai dan kulit harimau putih bagi menimbulkan kesedaran dan menanam semangat nasionalisme di kalangan khalayak pembaca. Perlambangan ditonjolkan oleh pengarang memandangkan situasi pada waktu itu tidak mengizinkan Ishak untuk menulis secara terus terang. Hal ini ditegaskan oleh beliau dalam prakata novel ini:

Bahwa inilah buku yang pertama daripada buah kalam saya. Maka telah dikarangkan dia bagi bacaan orang yang tahu berfikir dan bukanlah dimaksudkan bagi bacaan budak-budak sekolah. Buku ini bukanlah suatu cerita asyik-mahsyuk yang biasa tuan-tuan lihat di kedai-kedai buku ataupun yang telah tuan baca, kerana isinya penuh dengan sindiran-sindiran dan kias ibarat yang dalam. Seorang yang telah membaca buku ini sekali lalu tentulah sedar akan apa dia kewajipan-kewajibannya terhadap tanahair, bangsa dan adat resamnya dan

daripada hari itu mudah-mudahan tertariklah hatinya kepada mempertahankan agama, adat istiadat dan tanahnya supaya jangan terbinasa, tetapi sedap atau tidaknya isi sesebuah buku itu terpulanglah kepada pembacanya.

(*Putera Gunung Tahan* 2000: i)

Novel *Putera Gunung Tahan* dipenuhi dengan dialog-dialog tentang kecintaan terhadap tanah air baik daripada Raja Bongsu mahupun daripada mulut perempuan tua. Misalnya dialog perempuan tua kepada Tuan Robert "...kami sangat sayang akan negeri kami sehingga tidak rela sekali-kali negeri kami diambil atau diperintah oleh orang bangsa asing, apatah lagi bangsa itu berlainan agama dan berlainan serba serbi" (hlm. 42). Nada nasionalisme pada diri raja Bongsu pula terpancar melalui ungkapannya kepada Tuan William:

... saya tidak sekali-kali akan membenarkan dan menjual tanah air saya yang secebis ini walaupun dibayar dengan harga setinggi gunung ini atau walaupun diberi gelaran yang panjang-panjang dan dianugerah oleh kerajaan tuan bintang kebesaran berpuluh-puluh butir.

(*Putera Gunung Tahan* 2000: 72-73)

Persoalan nasionalisme turut menjadi tema utama dalam novel-novel Brunei seperti *Tunangan Pemimpin Bangsa*. Berbanding dengan novel *Putera Gunung Tahan*, novel ini lebih sukar untuk difahami. Pada dasarnya semangat nasionalisme yang cuba disampaikan oleh pengarang dapat dilihat secara tersurat dan tersirat. Secara tersurat persoalan ini dimunculkan melalui watak Marzuki, ketua pengarang akhbar *Jeritan Rakyat* yang cukup berani melaungkan semangat nasionalisme dalam tulisan-tulisannya. Persoalan nasionalisme juga mewarnai percintaan Marzuki dengan Hadinah (melalui dialog dan perdebatan antara mereka dalam setiap pertemuan). Akibat daripada keberaniannya, Marzuki akhirnya ditangkap oleh pemerintah pada waktu itu dan dihukum penjara 18 bulan.

Secara tersirat pula, novel ini banyak menggunakan lambang bagi menyampaikan maksudnya. Dalam *Putera Gunung Tahan*, Ishak Haji Muhamad melambangkan Tanah Melayu dengan Gunung Tahan, sebaliknya H.M. Salleh melambangkan Brunei dengan watak ibu Marzuki. Mohd Yusof Hassan dalam kajiannya terhadap novel-novel Brunei menegaskan bahawa semua watak dalam *Tunangan Pemimpin Bangsa* mempunyai lambang yang tersirat seperti orang tua melambangkan agama, bapa-bangsa, ibu-negara, Marzuki sebagai Brunei, Hadinah (srikandi), Mat Salleh (Inggeris), Sarmoto (Jepun), Abdullah (bangsa asing) dan mata-mata (pegawai atasan). Selain daripada watak-

watak ini, pengarang turut menggunakan imej-imej seperti lagu sebagai seruan, alam (bumi), penceraian (kekalahan), perkahwinan (penjajahan), akhbar (perjuangan), ubat guna-guna (pengaruh), penjara (belunggu), logo (alat), rogol (eksploitasi) dan surat (semangat) (Mohd Yusof Hassan 1998: 55).

Berbanding dengan kedua-dua novel di atas, *Melati Kota Bharu* memaparkan nasionalisme secara lebih berterus-terang. Semangat nasionalisme ini dilahirkan melalui perbualan antara Tengku Maimunah dan Abdul Rahman dalam setiap pertemuan mereka. Misalnya, novel ini secara terus-terang membincangkan bahayanya kedatangan orang Cina ke Kelantan. Sikap malas orang Melayu menyebabkan orang Cina merebut peluang pekerjaan. Selain itu, pengarang turut mengkritik sikap para pemimpin yang membiarkan situasi ini berlaku. Hal ini ditegaskan melalui watak Tengku Maimunah:

Tentulah maju dan besar keuntungan kompeni ini. Sayangnya kilang ini dipunyai oleh orang-orang Cina, mereka itulah sahaja yang membolot-bolotkan feadahnya yang amat besar itu... apakah sebabnya negeri Kelantan yang berkerajaan Melayu, beraja dan bermenteri-menteri Melayu ini tidak mensyaratkan tiap-tiap kilang dan kompeni yang hendak dibangunkan di dalam negeri ini oleh bangsa-bangsa lain itu termesti ada didalamnya syer-syer orang Melayu bersama-sama, dan pekerja-pekerjanya sekurang-kurang mengandungi sesetengah orang-orang Melayu pada tiap-tiap cawangan pekerjaannya baharu boleh diluluskan dirinya.

(*Melati Kota Bharu* 1988: 29)

Berbeza daripada *Melati Kota Bharu*, *Titian Semusim* mengangkat persoalan penentangan golongan berhaluan kiri terhadap kerajaan yang memerintah Brunei Darussalam. Novel yang diterbitkan pada tahun 1986 ini sarat dengan propaganda pemerintah Brunei. Kusui yang menentang kerajaan telah ditangkap dan dipenjarakan. Dalam penjara Kusui mulai sedar tentang peranan dan sumbangan pemerintah terhadap negara Brunei apabila dia menyuarakan:

Kerajaan yang dulu kita benci, yang kita anggap zalim itulah sebenarnya kerajaan yang bertimbang rasa. Bayangkan, kita berada dalam tahanan, keluarga kita diberi elaun, anak-anak kita diberi persekolahan percuma, ya keluarga kita tidak melarat. Bagaimana mungkin, kerajaan yang begitu pemurah, yang berpandangan luas kita musuh, kita derhaka...

(*Titian Semusim* 1986: 42)

Novel *Mahkota Yang Berdarah* turut mengangkat tema politik apabila menggarapkan kembali perebutan kuasa yang berlaku di Brunei.

Novel ini bertolak daripada peristiwa sejarah. Kecenderungan mengutarakan pemikiran politik secara langsung tidak banyak terdapat dalam novel Indonesia sebelum merdeka. Kebanyakan novelis Indonesia lebih gemar memaparkan politik daerah dan pertentangan keturunan yang berlaku dalam masyarakat Indonesia. Politik feudal inilah yang ditemui dalam *Sitti Nurbaya*, *Azab dan Sensara*, *Merantau ke Deli dan Salah Asuhan*. Situasi ini wujud kerana sekatan pemerintah Belanda (melalui Balai Pustaka) yang cukup ketat dalam kawalannya terhadap penerbitan karya sastera. Lantaran itu, kadang-kala wujud semangat pro-Belanda tergambar dalam novel Indonesia Sebelum Perang. *Sitti Nurbaya* misalnya menggambarkan watak utama Samsulbahri yang kecewa dengan kematian Sitti Nurbaya telah menjadi anggota tentera Belanda dan berperang menentang pemberontak. Lebih menarik, watak hitam, Dato Meringgih pula diletakkan sebagai pemberontak itu. dari kaca mata sekarang, Dato Meringgihlah sepatutnya watak baik kerana beliau sanggup berkorban nyawa menentang penjajah Belanda (dalam novel ini dikatakan Dato Meringgih memberontak kerana kepentingan diri bukan kerana tanah air).

Kesimpulan: Analisis Perbandingan

Pemikiran novelis di Malaysia, Indonesia dan Brunei pada era sebelum merdeka jelas sekali mempunyai beberapa persamaan. Pemikiran protes pengarang lebih cenderung kepada percintaan, kahwin paksa, emansipasi wanita, pertembungan budaya dan nasionalisme. Meskipun begitu terdapat beberapa pemikiran yang agak berbeza di kalangan negara-bangsa yang berbeza ini. Novelis Indonesia zaman awal cukup gemar melahirkan protes terhadap amalan tradisi masyarakat yang dianggap mereka boleh menghalang kemajuan bangsa. Beberapa amalan seperti kahwin paksa dan adat yang diamalkan oleh masyarakat khususnya adat Minang menjadi bahan protes pengarang. Protes begini terdapat juga dalam pemerintah novelis Malaysia seperti yang tergambar dalam *Melati Kota Bharu*, *Iakah Salmah?* dan *Hikayat Faridah Hanum*. Walau bagaimanapun, novelis Malaysia dan Brunei lebih gemar merakamkan protes politik dalam novel-novel mereka. Novel-novel seperti *Putera Gunung Tahan*, *Melati Kota Bharu*, *Mahkota Yang Berdarah*, *Tunangan Pemimpin Bangsa* dan *Titian Semusim* tergarap pemikiran politik pengarang dengan cukup kreatif. Hal yang sama tidak terdapat di kalangan novelis Indonesia. Jelasnya, novel-novel Melayu sebelum merdeka lahir daripada protes pengarang terhadap fenomena sosio-politik yang berlaku dalam masyarakat Melayu pada ketika itu, di samping

peristiwa-peristiwa lampau. Semua fenomena ini diperhatikan, diteliti dan dianalisis oleh novelis dalam karya masing-masing. Melalui novel pengarang dapat melahirkan fikiran, pandangan dan harapan mereka terhadap masyarakat masing-masing baik di Malaysia, Indonesia mahupun Brunei.

Rujukan

- Abdul Kadir Adabi. 1988. *Melati Kota Bharu*. Penyelenggara S. Othman Kelantan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. [Novel ini asalnya disiarkan dalam *Al-Hikmah*, T6, Bil 272 (30 November 1939) hingga T7, Bil 301 (29 Jun 1940) sebanyak 28 siri].
- Ahmad Kotot. 1989. *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. [Cetakan asal pada 1927. Seremban: Al-Matbaah al-Rawdzah al-Islam wa Syarikah].
- Ahmad Rashid Talu. 1975. *Iakah Salmah?* Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti. [Cetakan asal pada tahun 1927].
- Al-Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi. 1985. *Hikayat Faridah Hanum*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara. [Cetakan awal pada tahun 1925. Singapura: Al-Imam Printing Press].
- Aning Retnaningsih. 1983. *Roman Dalam Masa Pertumbuhan Kesusasteraan Indonesia Modern*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Armin Pane. 1995. *Belunggu*. Jakarta: Dian Rakyat. [Pertama kali muncul dalam majalah *Pujangga Baru*, 1940 (No.7)].
- Dharmawijaya. 1994. *Gurindam Alam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- H. M. Salleh. 1991. *Tunangan Pemimpin Bangsa*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. (Cetakan awal pada tahun 1952).
- Hamka. 1961. *Merantau ke Deli*. Pustaka Antara: Kuala Lumpur. [Cetakan asal pada tahun 1940].
- Hashim Awang. 1998. *Penciptaan dan Kemanusiaan dalam Cerpen dan Novel*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Marah Rusli. 2000. *Sitti Nurbaya*. Jakarta: Balai Pustaka. [Cetakan asal pada tahap 1920].
- Merari Siregar. 1965. *Azab dan Sensara*. Jakarta: Balai Pustaka. [Cetakan asal pada tahap 1920].
- Kamus Dewan*, edisi ke-4.
- Mohd Salleh Abdul Latif. 1986. *Titian Semusim*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Mohd Yusof Hassan. 1998. *Novel Negara Brunei Darussalam 1940-1992: Satu Analisis Kritis Intrinsik-Ekstrinsik*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Nyoman Kutha Ratna. 2004. *Metod dan Teknik: Penelitian Sastra-Dari Strukturalisme Hingga Postrukturalisme*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

- Pak Sako. 2000. *Putera Gunung Tahan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications. [Cetakan asal pada tahun 1937].
- Rosnah Baharuddin. 1989. Women Writers in Malaysian Literature. Dalam *Sari* 7.
- Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad dan Johan Jaafar. 1981. *Sejarah kesusasteraan Melayu*. Jilid.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saifullizan Yahaya. 2006. Jenis Nada dalam Sajak. Dalam *Berita Harian* (Ruangan Pedoman Sastera), 22 November 2006.
- Sutan Takdir Alisjahbana. 1997. *Layar Terkembang*. Jakarta: Balai Pustaka. [Cetakan asal pada tahun 1936].
- Teeuw, A.1970. *Sastera Baru Indonesia*. Terj. Rustam A. Sani dan Asraf. Kuala Lumpur: University of Malay Press.
- Yahya Ismail. 1976. *Sejarah Sastera Melayu Moden*. Petaling Jaya: Fajar Bakti
- Yura Halim. 1985. *Mahkota Yang Berdarah*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.